

Manhaj Rabbani oleh Sa‘id Ḥawwā dalam Pembangunan Modal Insan: Tumpuan kepada Karya *al-Asās fī al-Tafsīr*

Muhamad Alihanafiah Norasid¹

Abstrak

Antara tokoh mufasir tersohor pada abad ke-20 Masihi yang tidak lekang menebarkan sumbangsih dan mencurahkan ilmu bagi pembangunan modal insan di samping berjihad di jalan Allah SWT ialah Sa‘id Ḥawwā. Beliau sememangnya dikenali sebagai tokoh murabbi yang sinonim dengan idea rabbani lantaran cetusan pemikiran beliau mengenai pembentukan harakah *iḥyā’ al-rabbāniyyah*. Manhaj rabbani yang diketengahkan oleh beliau merupakan satu sistem latihan bagi membangunkan modal insan ke arah menyelami dan menjawai hubungan manusia dengan Allah SWT dengan menggariskan beberapa elemen penting pembangunan, iaitu elemen *thaqāfī*, elemen *rūhī*, dan elemen *da‘awī harakī*. Justeru, artikel ini akan mengupas elemen-elemen tersebut yang menjadi batu asas kepada kerangka manhaj rabbani menerusi analisis pentafsiran ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan di dalam karya tafsir Sa‘id Ḥawwā, *Al-Asās fī al-Tafsīr* bagi memaparkan model pembangunan modal insan terunggul yang distruktur oleh beliau.

Kata kunci: Rabbani, Modal Insan, *Al-Asās fī al-Tafsīr*

Divine Method According to Sa‘id Ḥawwā in Human Capital Development: a Study on al-Asās fī al-Tafsīr

Abstract

*Among the distinguished commentator on the figures of the 20th century which is contribute the knowledge of human capital development is Sa‘id Ḥawwā. Sa‘id Ḥawwā is recognized as a figure murabbi rabbani which is synonymous with the idea of madrasah *iḥyā’ al-rabbāniyyah* formation. Manhaj rabbani that highlighted by him is a frame of training system to develop the human capital which is comprehend and internalize the human relationship with God. The several key elements in manhaj rabbani are *thaqāfī* element, *rūhī* element, and *da‘awī harakī* element. Hence, this paper will show the elements which formed the cornerstone of the manhaj rabbani frame through analysis Qur’anic exegesis related commentary in the book of Sa‘id Ḥawwā, *Al-**

¹ Muhamad Alihanafiah Norasid, adalah calon Ph.D, Jabatan Al-Qur'an Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. E-mel: ribbiyyun87@gmail.com.

Asās fī al-Tafsīr to displays the ideal human capital development's model inspired by him.

Keywords: Rabbani, Human Capital, Al-Asās fī al-Tafsīr

Pendahuluan

Isu kebejatan akhlak seperti buang bayi, zina, dan penyalahgunaan dadah ternyata kian meruncing saban hari.² Gejala ini timbul ekoran lunturnya nilai-nilai Islam yang sewajarnya wujud dalam setiap diri individu muslim. Ini ditambah pula dengan fenomena kelunturan minda kelas pertama dalam kalangan masyarakat. Realiti ini telah diakui sendiri oleh mantan Perdana Menteri Malaysia kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi melalui kenyataan beliau bahawa negara Malaysia memiliki infrastruktur kelas pertama akan tetapi bangsanya masih berminda kelas ketiga.³ Kepesatan dunia tanpa sempadan berhajat kepada suatu dinamika pendidikan dan latihan yang bersifat universal. Bagi menyelesaikan kemelut sosial serta kemunduran mental, kerajaan telah memberi penekanan terhadap usaha membangunkan modal insan.⁴ Pembangunan modal insan tidak hanya sekadar menggilap potensi yang terdapat pada insan bagi meraih pulangan, akan tetapi meletakkan karamah insan di posisi yang sewajarnya sebagai hamba Allah dan khalifah justeru menyaksikan perspektif Islam terhadap modal insan adalah lebih holistik dengan menjadikan Allah SWT sebagai paksi segala tujuan sekaligus mengangkat martabat insan sebagai makhluk yang bermaruah.

Konsep kesedaran bertuhan di samping memahami peranan insan dalam kehidupan telah mencetuskan idea seorang tokoh

² Mohd Roslan Mohd Nor, “Membangun Remaja Muslim Masa Kini: Cabaran, Rintangan, dan Harapan,” dalam *Kemelut Peradaban Remaja di Malaysia*, ed. Mustaffa Abdullah dan Faisal Ahmad Shah (Kuala Lumpur: Jabatan Al-Qur’ān Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2010), 174.

³ Abdullah Haji Ahmad Badawi, *Pembangunan Modal Insan: Koleksi Ucapan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi* (Kuala Lumpur: Intitut Tadbiran Awam Negara (INTAN), 2006), xiv.

⁴ Ciri-ciri utama modal insan yang ingin dibina menjelang 2020 ialah berilmu, berkeyakinan, nilai murni, beretika, berbudi pekerti, sopan santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, dan patriotik. Sila lihat laman sesawang <http://www.pmo.gov.my/modalinsan/index.html>.

revivalisme Islam, Sa‘īd Hawwā⁵ menampilkan manhaj rabbani menerusi idea pembentukan harakah *iḥyā’ al-rabbāniyyah*.⁶ Sememangnya manhaj rabbani ini perlu dirungkai bagi mendedahkan garis panduan yang sofistikated dalam pembangunan modal insan menurut perspektif al-Qur'an. Justeru, komponen-komponen penting dalam manhaj rabbani ini akan dikupas menerusi analisis pentafsiran ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan di dalam karya tafsir Sa‘īd Hawwā, *Al-Asās fī al-Tafsīr*⁷

⁵ Dilahirkan pada tahun 1935 di Syria. Merupakan salah seorang pemimpin tertinggi *al-Ikhwan al-Muslimun* yang berpengkalan di Syria. Selain dikenali sebagai ulama' sufi *haraki*, beliau juga merupakan salah seorang pimpinan tertinggi *al-Ikhwan al-Muslimun* yang berpengkalan di Syria. Beliau mula melibatkan diri dalam gerakan *al-Ikhwan al-Muslimun* semenjak di bangku sekolah menengah. Pengaruh pemikirannya telah berjaya menerobos ke benua Asia Tenggara termasuk Malaysia, khususnya menerusi lebih 30 penulisan karya beliau. Bahkan, beliau juga dianggap sebagai tokoh *mufasir* terkemuka mutakhir ini kerana telah berjaya menghasilkan sebuah karya tafsir besar 30 juzu' yang berjudul *Al-Asās fī al-Tafsīr* sungguhpun karya tafsir tersebut dikarang ketika beliau mendekam di penjara. Beliau meninggal dunia pada tahun 1989. Sila lihat Zainuddin Hashim dan Riduan Mohamad Nor, *Tokoh-tokoh Gerakan Islam Abad Moden* (Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2009), 195. Lihat juga Sa‘īd Hawwā, *Al-Asās fī al-Tafsīr* (Kaherah: Dār al-Salam, 1989-1993), 1: 30.

⁶ Gagasan pembentukan harakah *iḥyā’ al-rabbāniyyah* di dalam entiti Islam ini telah disentuh dengan panjang lebar oleh Sa‘īd Hawwā menerusi risalahnya, *Iḥyā’ al-Rabbāniyyah*. Beliau telah mengetengahkan beberapa kaedah bagi menghidupkan kondisi rabbani dan keanggotaan khususnya dalam gerakan Islam moden. Sila lihat Sa‘īd Hawwā, 4. 4. 4. *Iḥyā’ al-Rabbāniyyah* 5. Al-Ijābāt (Kaherah: Dār al-Salam, 1984), 25-26.

⁷ Terdapat ramai pembaca kitab tafsir beliau berpendapat bahawa sekiranya karya tafsir *Fī Zilāl al-Qur’ān* oleh Sayyid Qutb merupakan tafsir yang bernuansakan manhaj dakwah dan kemasyarakatan pada abad ke-14 Hijrah, maka karya tafsir *A-Asās fī al-Tafsīr* karangan Sa‘īd Hawwā adalah satu-satunya karya tafsir yang berdiri di atas paksi yang sama pada kurun ke-15 Hijrah. Kenyataan tersebut telah dikeluarkan secara rasmi di dalam surat khabar *Al-Madinah al-Munawwarah*, Arab Saudi pada bilangan 7291,11 Sya’ban 1407 Hijrah (11 April 1987). Karya *Al-Asās fī al-Tafsīr* terdiri daripada 11 jilid mengikut percetakan pertama hingga kelima dari tahun 1985 hingga 1999 serta mengandungi hampir 6800 halaman pada gabungan kesemua jilid. Karya tersebut juga hanya diterbit oleh Syarikat *Dār al-Salam li al-Tibā’ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’ wa al-Tarjamah* yang beroperasi di Kaherah, Mesir. Cetakan terkini pada tahun 2009 menampilkan karya terbabit telah dikemaskini, dipadatkan, dan diterbitkan dalam versi enam jilid tanpa dibuang mana-mana kandungan tafsir tersebut. Menurut Sa‘īd Hawwā, penjudulan karya tafsir dengan judul “*Al-Asās fī al-Tafsīr*” adalah rentetan

bagi memaparkan model pembangunan modal insan yang mapan yang diketengahkan oleh beliau.

Manhaj Rabbani: Telaah Konseptual

Menurut Kamus Dewan edisi keempat, kalimah ‘rabbani’ bermaksud ‘yang berkaitan dengan Tuhan (Allah)’.⁸ Di samping itu, ‘rabbani’ turut memberi pengertian ‘yang mengabdikan diri kepada Tuhan disertai ilmu yang sempurna serta beramal dengannya’.⁹ Menurut Sa‘id Hawwā, kriteria muslim rabbani ialah mereka yang berilmu, mengabdikan diri kepada Allah serta bersifat zuhud.¹⁰ Hasan al-Banna pula berpandangan bahawa elemen rabbani merupakan satu elemen asas kepada pembinaan kader dakwah dalam menjiwai pertautan utuh dengan Allah SWT, lantas ia menjadi benteng kepada para pendakwah daripada terjebak dengan fikrah kebendaan dan sebagainya.¹¹ Pemahaman konsep rabbani turut dikembangkan oleh ‘Abd al-Rahman Hasan Habannakah al-Maydanī dalam perbahasan umat rabbani yang bersatu atas ikatan akidah Islam yang utuh serta melaksanakan suruhan Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya.¹²

Dapatlah difahami bahawa manhaj rabbani merupakan satu sistem bernuansa ketuhanan yang mengembalikan pemahaman individu sebagai seorang ‘ibād al-Rahmān di samping menyulam

daripada persempahan karya tafsir tersebut yang sangat bertepatan dengan tujuan-tujuan asas yang kukuh bagi penghasilan karya tafsir sebenar. Tambahan pula, karya tersebut turut menyajikan asas-asas yang mapan dalam memahami al-Qur'an, menghindari pendekitan persoalan *khilāfiyyah* dalam pentafsiran selain mencerap persoalan masa kini. Sa‘id Hawwā juga membina asas-asas yang utuh yang bersumber daripada *Tafsīr Ibn Kathīr* dan *Tafsīr al-Nasaft* bagi menghasilkan karya tafsir beliau, lalu beliau menamakan karya tafsir beliau sebagai *Al-Asās fi al-Tafsīr*. Sila rujuk Sa‘id Hawwā, *Al-Asās fi al-Tafsīr* (Kaherah: Dar al-Salam li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī' wa al-Tarjamah, 1999), 7-11. Lihat juga laman sesawang <http://www.daawa-info.net/books1.php?id=7176&bn=264&page=59>.

⁸ Kamus Dewan, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 1262, entri “Rabbani.”

⁹ Ibrāhīm Muṣṭafā et al., *Al-Mu'jam al-Wasīṭ* (Istanbul: al-Maktabah al-Islāmiyyah li al-Ṭibā'ah wa-a-Nashr wa-al-Tawzī', t.t.), 321.

¹⁰ Sa‘id Hawwā, 4. 4. 4. Ihyā' al-Rabbāniyyah 5. Al-Ijābāt, 45.

¹¹ Hasan al-Banna, *Majmu'ah Rasā'il al-Imām al-Shāhid Hasan al-Banna* (Kaherah: Dār-al-Shihāb, t.t.), 109.

¹² ‘Abd al-Rahman Hasan Habannakah al-Maydanī, *Al-Ummah al-Rabbāniyyah al-Wāhidah* (Damsyik: Dār al-Qalam, 1983), 37.

pertautan dan kebergantungannya yang mutlak kepada Pencipta dalam memahami tujuan kehidupan dan makrifatullah.¹³ Yūsuf al-Qaraḍāwī telah mengulas bahawa konsep rabbani merupakan suatu perkara pokok dalam tarbiah Islamiah lantaran matlamat ulung dalam tarbiah Islamiah adalah membentuk insan agar memiliki iman yang kental serta beristiqamah dengan amalan¹⁴. Beliau menambah bahawa tiang asas kepada pembangunan modal insan ialah memiliki hati yang hidup yang bertautan dengan Allah SWT, yakin dengan pertemuan dan perhitunganNya, mengharapkan rahmatNya, takut akan balasan burukNya, dan sebagainya.¹⁵

Sa‘īd Ḥawwā turut membincangkan kerangka manhaj rabbani bagi membangunkan modal insan menerusi karya beliau, *Iḥyā’ al-Rabbāniyyah* dengan mengetengahkan beberapa elemen penting yang perlu dilaksanakan seperti zikrullah serta pembudayaan ilmu.¹⁶ Menurut Sa‘īd Ḥawwā, binaan-binaan asas kepada konsep rabbani ialah penguasaan pengetahuan Islam klasik dan moden, penekanan akhlak Islamiah yang sempurna, penyuburan tarbiah rohani yang jitu, serta berparadigma *haraki* (gerakan Islam) yang sesuai dengan tuntutan arus perdana.¹⁷ Dengan memiliki ciri-ciri demikian, modal insan rabbani akan mampu untuk mengharungi badai tribulasi yang menerjah. Seterusnya beliau telah memetik ayat al-Qur'an yang memaparkan ciri-ciri golongan rabbani yang diasuh dengan tarbiah Islamiah secara sempurna, antaranya menerusi surah Āli-‘Imrān 3:79 dan 146, serta surah al-Mā'idah 5:44 dan 63.¹⁸ Menerusi ayat-ayat al-Qur'an tersebut, maka terdapat tiga elemen khusus yang telah ditonjolkan oleh Sa‘īd Ḥawwā daripada manhaj rabbani iaitu elemen *thaqāfi* (keilmuan), *rūḥī* (kerohanian), dan *da'awī haraki* (aktivisme). Firman Allah SWT:

¹³ Ramli Awang, *Tasawwur Rabbani Menurut Al-Qur'an dan Al-Sunnah* (Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication, 2008), 151.

¹⁴ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Al-Tarbiyah al-Islāmiyyah wa Madrasah Ḥasan al-Banna* (Beirut: Lubnan, 2001), 11.

¹⁵ Yusuf al-Qaraḍāwī, *Al-Tarbiyah al-Islāmiyyah wa Madrasah Ḥasan al-Banna*, 12.

¹⁶ Sa‘īd Ḥawwā, 4. 4. 4. *Iḥyā’ al-Rabbāniyyah* 5. Al-Ijābāt, 23.

¹⁷ Sa‘īd Ḥawwā, 4. 4. 4. *Iḥyā’ al-Rabbāniyyah* 5. Al-Ijābāt, 19.

¹⁸ Sa‘īd Ḥawwā, 4. 4. 4. *Iḥyā’ al-Rabbāniyyah* 5. Al-Ijābāt, 17.

مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَنْ يُؤْتِيهِ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحُكْمَ وَالنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولُ
لِلنَّاسِ كُونُوا عِبَادًا لِّي مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِكُنْ كُونُوا رَبِّيْنَ
بِمَا كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ

Terjemahan: Tidaklah patut bagi seseorang manusia yang Allah berikan kepadanya Kitab agama dan hikmat serta pangkat Nabi, kemudian ia tergemark mengatakan kepada orang ramai: “Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang menyembahku dengan meninggalkan perbuatan menyembah Allah.” Tetapi (sewajarnya ia berkata): “Hendaklah kamu menjadi orang-orang **Rabbaniyyin** (yang hanya menyembah Allah Taala - Dengan ilmu dan amal yang sempurna), kerana kamu sentiasa mengajarkan isi Kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya.”

Āli-‘Imrān 3:79

Menerusi ayat di atas, Sa‘īd Ḥawwāt telah mendedahkan bentuk-bentuk latihan bagi melahirkan golongan rabbani iaitu menerapkan keilmuan yang tinggi, beramal dengannya, serta menyampaikan ilmu tersebut kepada orang lain.¹⁹ Justeru, antara elemen yang menstruktur kerangka manhaj rabbani menerusi ayat di atas ialah pembangunan yang mendorong kepada pengabdian kepada Allah SWT disertai ilmu dan amal. Ayat di atas juga memaparkan suatu kerangka bagi manhaj rabbani yang terangkum padanya elemen Elemen *rūhī* merangkumi aspek *rūhī* dan juga elemen *thaqāfī*. penyucian jiwa manakala elemen *thaqāfī* pula membincangkan aspek keintelektualan dan keilmuan dalam diri individu muslim.

Dalam pada itu, elemen *da‘awī harakī* turut menjadi sebahagian kerangka asas kepada manhaj rabbani. Perkara ini berdasarkan firman Allah SWT:

¹⁹ Sa‘īd Ḥawwāt, 4. 4. 4. *Ihyā’ al-Rabbāniyyah* 5. Al-Ijābāt, 18.

لَوْلَا يَنْهَمُ الْرَّبِّيُوتَ وَالْأَحْبَارُ عَنْ قَوْلِهِمْ أَلِإِثْمَ وَأَكْلِهِمْ
السُّخْتَ لَيُسْكَنُ مَا كَانُوا يَصْنَعُونَ

Terjemahan: Alangkah baiknya kalau ketua-ketua agama dan pendeta-pendeta mereka melarang mereka dari mengeluarkan perkataan-perkataan yang dusta dan dari memakan yang haram? Sesungguhnya amatlah buruk apa yang mereka telah kerjakan.

Al-Mā''idah 5:63

Antara ciri-ciri golongan rabbani yang dinyatakan oleh Sa'īd Ḥawwā ialah melaksanakan amar makruf nahi mungkar.²⁰ Beliau telah mengemukakan dalil di atas sebagai pembuktian bahawa modal insan yang menerapkan manhaj rabbani di dalam dirinya seharusnya melaksanakan usaha dakwah berdasarkan kepada kalimah *yanhā-hum* (tegahan). Justeru, dapatlah dirumuskan di sini bahawa elemen *da'awī harakī* ialah latihan pembangunan dalam melaksanakan amar makruf nahi mungkar khususnya apabila bergabung dalam gerakan Islam yang tersusun serta berparadigma *haraki* (gerakan Islam) dan aktivisme.

Tuntasnya, menerusi dalil-dalil al-Qur'an mengenai konsep rabbani di atas, terdapat tiga elemen penting yang diutarakan oleh Sa'īd Ḥawwā menjadi batu asas kepada manhaj rabbani dalam pembangunan modal insan iaitu elemen *thaqāfī*, elemen *rūhī*, dan elemen *da'awī harakī*.

Elemen *Thaqāfī* (Keilmuan)

Antara elemen fundamental yang diutarakan oleh Sa'īd Ḥawwā dalam pembangunan modal insan ialah penerapan keilmuan yang jitu pada diri individu muslim. Menurut beliau, umat Islam era kini rata-rata dilanda kepincangan dalam mempraktikkan tarbiah Islamiah sebenar lantaran ketiadaan suatu manhaj tarbiah yang komprehensif. Pembentukan generasi rabbani dalam sistem tarbiah juga pastinya tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya tanpa ilmu

²⁰ Sa'īd Ḥawwā, 4. 4. 4. Ihyā' al-Rabbāniyyah 5. Al-Ijābāt, 18.

pengetahuan.²¹ Justeru, bagi menangani kemelut ini, beliau telah menggariskan pendidikan keilmuan Islam (*al-thaqāfah al-Islāmiyyah*) yang sempurna dan pendidikan akhlak sebagai komponen penting dalam memugar manhaj Rabbani.²² Perkara ini berasaskan pendalilan al-Qur'an dari surah Āli-'Imrān 3: 79 yang telah dimuatkan oleh beliau dalam karyanya, *Ihyā' al-Rabbāniyyah*, ketika mengupas ciri-ciri yang perlu dimiliki oleh modal insan rabbani dalam gerakan Islam semasa.²³ Firman Allah:

مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَنْ يُؤْتِيهِ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحُكْمَ وَالنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ
لِلنَّاسِ كُونُوا عِبَادًا لِّي مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِكُنْ كُونُوا رَبَّنِينِ
بِمَا كُنْتُمْ تُعَلَّمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ

Terjemahan: Tidaklah patut bagi seseorang manusia yang Allah berikan kepadanya Kitab agama dan hikmat serta pangkat Nabi, kemudian ia tergemark mengatakan kepada orang ramai: "Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang menyembahku dengan meninggalkan perbuatan menyembah Allah." Tetapi (sewajarnya ia berkata): "Hendaklah kamu menjadi orang-orang **Rabbaniyyin** (yang hanya menyembah Allah Taala - Dengan ilmu dan amal yang sempurna), kerana kamu sentiasa mengajarkan isi Kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya."

Āli- 'Imrān 3:79

Ayat al-Qur'an di atas menampilkan suatu signifikasi mengenai golongan rabbani, iaitu mereka yang memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi serta berusaha menyampaikannya kepada orang lain selain berpegang teguh dengan agama Allah. Dua sifat inilah menjadi teras kepada elemen *thaqāfi* dan hal ini telah dihuraikan oleh Sa'īd Hawwā menerusi tafsiran beliau terhadap

²¹ Sa'īd Hawwā, *Fi 'Afaq al-Ta'alim Syarh Risalah al-Ta'alim: Pendidikan Harakah Islamiyyah*, terj. Nor Hasanuddin (Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 2008), 187.

²² Sa'īd Hawwā, *Jund Allāh Thaqāfatan wa Akhlāqan* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1979), 62.

²³ Sa'īd Hawwā, 4. 4. 4. *Ihyā' al-Rabbāniyyah* 5. Al-Ijābāt, 18.

ayat di atas dalam karyanya, *Al-Asās fī al-Tafsīr*.²⁴ Beliau mengulas bahawa tidaklah sewajarnya seseorang manusia yang telah dikurniakan oleh Allah SWT kitab agama, hikmah, dan kenabian, lalu dia berkata kepada sekalian manusia, “*hendaklah kalian menyembahku dengan meninggalkan sembahana kepada Allah.*” Beliau seterusnya mentafsirkan kalimah *wa al-hukm* sebagai hukuman dalam pemerintahan, atau kebijaksanaan (*al-Hikmah*), atau sunnah Nabi SAW. Selanjutnya, beliau mentafsirkan kalimah *rabbāniyyīn* sebagai mereka yang sangat berpegang teguh dengan agama Allah dan mentaati perintah-Nya. Ketaatan kepada Allah perlulah disusuli dengan keilmuan yang mantap, faqih, serta bersifat lemah lembut. Tafsiran beliau ini diperkuatkan lagi dengan tafsiran yang dikemukakan oleh Mujahid Ibn Jabr²⁵ bahawa *rabbāniyyīn* memberi maksud mereka yang faqih, ulama’, dan bijaksana,²⁶ manakala Hasan al-Basri pula mentafsirkan golongan *rabbāniyyīn* sebagai ahli ibadah, serta orang yang bertaqwah. Kesemua sifat-sifat rabbani yang dinyatakan di atas tidak akan tercapai dengan jayanya melainkan dengan memiliki ilmu pengetahuan yang berguna sebagai pancaran kepada keimanannya²⁷ dan hal ini telah dinyatakan oleh Allah SWT pada sambungan ayat yang sama iaitu:

...بِمَا كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ الْكِتَبَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ

Terjemahan: ...kerana kamu sentiasa mengajarkan isi Kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya.

Āli- ‘Imrān 3:79

Merujuk kepada potongan ayat di atas, Sa‘īd Hawwā memberikan gambaran bahawa tidaklah seseorang itu bergelar muslim rabbani melainkan dia berpegang teguh dengan agama

²⁴ Sa‘īd Hawwā, *Al-Asās fī al-Tafsīr* (Kaherah: Dār al-Salam li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-Tarjamah, 2009), 1:401.

²⁵ Mujahid bin Jabr merupakan salah seorang tokoh tafsir pada zaman tabi‘in yang mempelopori madrasah tafsir di Mekah. Beliau merupakan anak murid kepada Ibn ‘Abbās yang juga merupakan tokoh mufasir tersohor pada zaman sahabat. Sila lihat Mustafa Muslim, *Manāhij al-Mufassirīn* (Riyadh: Dār al-Muslim, 1994), 79.

²⁶ Mujāhid Ibn Jabr al-Qurashī al-Makhzūmī, *Tafsīr Mujāhid*, ed. Abū Muhammād al-Asyūṭī (Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2005), 40.

²⁷ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Al-Hayāh al-Rabbāniyyah wa al-Ilm* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995), 84.

Allah setelah memiliki ilmu yang mantap serta menyampaikannya kepada orang lain.²⁸ Dalam pada itu, tidaklah pula seseorang da'i mampu melaksanakan usaha dakwah dalam konteks semasa yang penuh dengan liku-liku perjuangan melainkan peranan ini dimainkan oleh golongan rabbani lantaran mereka memiliki tahap keilmuan yang tertinggi di samping mempunyai kekuatan untuk mengajarkan ilmu kepada insan lain.²⁹ Bagi merealisasikan misi ke arah melahirkan modal insan rabbani menerusi manhaj rabbani, ternyata pemugaran budaya ilmu pengetahuan adalah suatu komponen utama yang wajib diperkasakan ke dalam setiap individu muslim.

Sistem penerapan ilmu pengetahuan dalam harakah *Ihyā' al-Rabbāniyyah* telah distruktur oleh Sa'īd Ḥawwā dengan mengetengahkan pengajian al-Qur'an dan al-sunnah sebagai suatu disiplin ilmu yang wajar diperlakukan terlebih dahulu berbanding ilmu-ilmu yang lain. Beliau berhujah dengan menggunakan dalil di atas lantaran Allah SWT memaparkan kalimah "*al-Kitab*" yang membawa maksud kitab-kitab samawi atau dalam konteks kini ia adalah al-Qur'an.³⁰ Menerusi pendalilan di atas, seseorang individu seharusnya memperlakukan ilmu al-Qur'an sebelum mempelajari ilmu-ilmu yang lain. Nyatanya, ilmu wahyu menjadi tunjang kepada pemahaman cabang-cabang ilmu yang lain, maka beliau telah mengklasifikasikan disiplin ilmu berdasarkan bahan bacaan yang rata-ratanya telah dikarang oleh beliau sendiri mengikut peringkat pendedahan pengajian kepada penuntut ilmu. Berikut merupakan beberapa peringkat pendedahan pengajian yang telah digubal oleh beliau dalam *madrasah Ihyā' al-Rabbāniyyah*:³¹

- i. Pengajian manhaj Islam bersumber wahyu (*Al-Asās fī al-Manhaj*): Karya-karya yang dicadangkan: *Al-Asās fī al-Tafsīr*, *Al-Asās fī al-Sunnah wa Fiqhihā*, dan *Al-Asās fī Qawā'id al-Ma'rifah wa Dawābiṭ al-Fahm al-Nuṣūṣ*.

²⁸ Sa'īd Ḥawwā, *Al-Asās fī al-Tafsīr*, 1: 400.

²⁹ Sa'īd Ḥawwā, 4. 4. 4. *Ihyā' al-Rabbāniyyah* 5. *Al-Ijābāt*, 18.

³⁰ Sa'īd Ḥawwā, *Al-Asās fī al-Tafsīr*, 1:400.

³¹ Sa'īd Ḥawwā, 4. 4. 4. *Ihyā' al-Rabbāniyyah* 5. *Al-Ijābāt*, 25. Lihat juga Sa'īd Ḥawwā, *Jund Allāh Thaqāfatan wa Akhlāqan*, 63.

- ii. Pengajian *Usūl al-Thalāthah*,³² Karya-karya yang dicadangkan: *Allāh Jalla Jalāluh*, *al-Rasūl salla Allāh ‘alayh wa sallam*, dan *Al-Islām*.
- iii. Pengajian yang berkaitan gagasan pembinaan generasi dai rabbani: Karya-karya yang dicadangkan: *Jund Allāh Thaqāfatan wa Akhlāqan*, *Jund Allāh Takhiṭan*, *Jund Allāh Tanzīman*, *Kay Lā Namdī Ba ‘īdan ‘an Iḥtiyājāt al-‘Asr*, dan sebagainya.
- iv. Pengajian yang berkaitan dengan fiqh: Karya yang dicadangkan: *Al-Lubāb fī al-Sharḥ al-Kitāb*, *Maraqī al-Falāh*, *Kifāyah al-Akhyār*, dan sebagainya.³³

Menurut Sa‘īd Ḥawwā, pengajian kitab di atas perlulah diperuntukkan sekurang-kurangnya sejam dalam sehari.³⁴ Tuntasnya, Sa‘īd Ḥawwā telah menstruktur instrumen-instrumen teras di dalam elemen *thaqāfi* berdasarkan karya-karyanya sendiri di dalam suatu kerangka manhaj rabbani yang bernaung di bawah *madrasah ihyā’ al-rabbāniyyah*.

Elemen *Rūhī* (Kerohanian)

Tidak dapat dinafikan bahawa elemen rohani merupakan satu aspek terpenting dalam pembangunan modal insan rabbani lantaran hakikat penciptaan manusia adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT. Bagi memupuk pengabdian diri sebagai seorang hamba, maka elemen *rūhī* adalah sangat mustahak diimplementasikan berdasarkan akidah Islamiah yang benar, mendidik roh dengan melaksanakan amal ibadah, serta meningkatkan martabat *al-nafs* sehingga ke darjah kesempurnaan

³² Pengajian *Usūl al-Thalāthah* ialah pengajian teras yang menggunakan tiga karya utama karangan Sa‘īd Ḥawwā sebagai bahan pengajian iaitu *Allāh*, *al-Rasūl*, dan *al-Islām*. Pengajian *al-Usūl al-Thalāthah* menerapkan pengenalan sumber Islam sebelum mewacanakan hal-hal yang lebih mendasar dalam persoalan keimanan dan ibadah bersumber al-Qur'an dan sunnah. Pada hemat beliau, rangkaian *Usūl al-Thalāthah* merupakan satu pendekatan baru yang secara nyata menyuluhkan epistemologi ketuhanan, kenabian, dan agama yang termuat dalam kitab-kitab khusus karangan beliau. Sila rujuk Sa‘īd Hawwā, *Jund Allāh Thaqāfatan wa Akhlāqan*, 64.

³³ Sa‘īd Ḥawwā, *Fi Afaq al-Ta’alim*, 180.

³⁴ Sa‘īd Ḥawwā, 4. 4. 4. *Ihyā’ al-Rabbāniyyah* 5. *Al-Ijbāt*, 52.

tertinggi.³⁵ Ekoran itu, elemen *rūhī* yang merupakan sebahagian juzuk daripada manhaj rabbani ini begitu dititikberatkan oleh Sa‘id Ḥawwā bagai pembangunan modal insan yang merangkumi pengukuhan spiritual manusia. Antara mekanisme pelaksanaan elemen *rūhī* yang telah digariskan oleh Sa‘id Ḥawwā dalam harakah *Ihyā’ al-Rabbāniyyah* termasuklah zikrullah, tilawah al-Qur'an, dan pengamalan wirid-wirid tertentu.³⁶ Beliau selanjutnya menguna pakai dalil al-Qur'an dari surah al-Ra‘d 13: 28 dan surah al-Ahzab 33:21 sebagai hujah yang mendokong keperluan pendidikan rohani.³⁷ Firman Allah SWT:

الَّذِينَ إِمَنُوا وَتَطَمِّنُ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ
تَطَمِّنُ الْقُلُوبُ

Terjemahan: (Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah. Ketahuilah dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia.

Al-Ra‘d 13:28

Menerusi karya tafsir Sa‘id Ḥawwā, *Al-Asās fī al-Tafsīr*, beliau telah memperincikan tafsiran konteks ayat di atas bahawa Allah SWT telah menjanjikan hidayah kepada insan yang benar-benar kembali kepada jalan Allah, mengharapkan pertolongan-Nya, menghinakan diri kepada-Nya, maka mereka itulah orang-orang mukmin yang memiliki hati yang tenteram. Ketenteraman tersebut dapat digamit dengan mengingati Allah seperti bertasbih, mengucapkan *Lā Ilaha illā Allāh*, beristighfar, atau *tadabbur* al-Qur'an, seterusnya hati mereka disucikan dengan pertautan utuh kepada Tuhan.³⁸ Menurut beliau, ayat di atas mendedahkan suatu falsafah yang begitu agung, bahawa orang-orang yang beriman pastinya berupaya merentasi peringkat-peringkat badii perjuangan yang besar seandainya mereka memiliki keazaman yang membara,

³⁵ ‘Abd Allāh Nāsiḥ ‘Ulwān, *Al-Shabab al-Muslim fī Muwājahah al-Taḥaddiyat al-Asr* (Kaherah: Dār al-Salam li al-Ṭibā‘ah wa al-Nasyh wa al-Tawzī‘ wa al-Tarjamah, 1993), 207.

³⁶ Sa‘id Ḥawwā, 4. 4. 4. *Ihyā’ al-Rabbāniyyah* 5. Al-Ijābāt, 23.

³⁷ Sa‘id Ḥawwā, 4. 4. 4. *Ihyā’ al-Rabbāniyyah* 5. Al-Ijābāt, 23 dan 66.

³⁸ Sa‘id Ḥawwā, *Al-Asās fī al-Tafsīr*, 3:175.

ilmu yang mantap, di samping pengamalan zikir yang konsisten.³⁹ Generasi rabbani yang diciptakan oleh umat masa kini sewajarnya memiliki pengamalan zikir pada setiap detik waktu bagi meningkatkan keyakinan kepada janji Tuhan.⁴⁰ Beliau menambah bahawa para pendakwah haruslah memerhatikan pemahaman ayat terbabit dengan memfokuskan beberapa item penting iaitu konsep taubat dan penyesalan, keimanan kepada Allah SWT serta mengingatiNya. Beliau turut berpendapat bahawa antara manusia yang paling berjaya dalam membimbing insan lain ke jalan kebenaran ialah mereka yang berdiri atas landasan sufi yang murni. Selanjutnya, beberapa amalan sunat juga telah dikemukakan oleh Sa‘id Hawwā ke arah penyucian jiwa ketika mentafsirkan ayat di atas, antaranya mengamalkan wirid yang *ma’thur*, beristighfar, berqiamullail, dan menunaikan solat dhuha.⁴¹ Allah Ta‘ala berfirman:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا

اللَّهُ وَالْيَوْمَ الْأَخْرَ وَذَكْرُ اللَّهِ كَثِيرًا

Terjemahan: Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak. (dalam masa susah dan senang)

Al-Aḥzāb 33:21

Menurut Sa‘id Hawwā, Rasulullah SAW pastinya akan dijadikan model ikutan yang terbaik bagi manusia yang takut kepada Allah SWT. Mereka inilah yang digelar sebagai golongan *ṣiddiqīn* yang sentiasa mengingati Allah dalam setiap keadaan.⁴² Bagi melahirkan modal insan rabbani, beliau beranggapan bahawa pengamalan zikrullah merupakan salah satu komposisi terpenting dalam mewarisi ciri-ciri kenabian dan hal ini berdasarkan tafsiran

³⁹ Sa‘id Hawwā, *Tarbiyatunā al-Rūhiyyah* (Kaherah: Dār al-Salam li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-Tarjamah, 2007), 73.

⁴⁰ Sa‘id Hawwā(1984), 4. 4. 4. *Ihyā’ al-Rabbāniyyah* 5. *Al-Ijbāt*, 23.

⁴¹ Sa‘id Hawwā, *Al-Asās fī al-Tafsīr*, 3:182.

⁴² Sa‘id Hawwā, *Al-Asās fī al-Tafsīr*, 5:132.

ayat di atas.⁴³ Oleh yang demikian, Sa‘īd Hawwā telah menggariskan beberapa pelan tindakan dalam manhaj rabbani yang menumpukan pembangunan elemen *rūḥī*, iaitu beriltizam sekurang-kurangnya dengan zikir-zikir tertentu dalam sehari seperti beristighfar 100 kali, berselawat ke atas Nabi SAW 100 kali, mengucapkan *Lā Ilāha illā Allāh* 100 kali, membaca *al-Ma’tūrat*⁴⁴ setiap hari, dan tilawah al-Qur'an sekurang-kurangnya $\frac{3}{4}$ juzuk setiap hari, menghadiri majlis zikir pada setiap minggu, serta sering beriktitaf di masjid.⁴⁵ Berbeza dengan elemen *thaqāfi* yang perlu dilalui oleh setiap individu mengikut peringkat-peringkat silibus pengajian berdasarkan kitab, maka elemen *rūḥī* pula merupakan suatu sistem yang distruktur dalam manhaj rabbani untuk dilaksanakan oleh seseorang individu secara iltizam dan istiqamah.⁴⁶ Penggubalan instrumen-instrumen yang terkandung di dalam elemen *rūḥī* oleh Sa‘īd Hawwā seperti bacaan al-Qur'an satu juzuk dalam sehari adalah selaras dengan manhaj tarbiah *Al-Ikhwan al-Muslimun* yang telah disusun oleh Hasan al-Banna yang bertujuan membangunkan modal insan menurut acuan Islam sebenar.⁴⁷

Dalam pada itu, Sa‘īd Hawwā turut menghasilkan tiga buah karya yang berkaitan dengan elemen *rūḥī* serta penyucian jiwa dalam manhaj rabbani iaitu *Tarbiyatunā al-Rūhiyyah*, *al-Mustakhlas fī Tazkiyah al-Anfūs*, dan *Mudhakkirāt fī Manāzil al-Šiddīqīn wa al-Rabbāniyyīn*.⁴⁸ Ketiga-tiga karya tersebut telah diklasifikasikan oleh Sa‘īd Hawwā dalam satu rangkaian tema yang dipanggil sebagai *Silsilah fī al-Tarbiyah wa al-Tazkiyah wa al-Sulūk (Siri Berkanaan Pendidikan, Penyucian, dan Perilaku)*

⁴³ Sa‘īd Hawwā (1984), 4. 4. 4. *Ihyā' al-Rabbāniyyah* 5. *Al-Ijābāt*, 23.

⁴⁴ *Al-Ma'tūrat* merupakan himpunan ayat-ayat al-Qur'an dan doa yang disandarkan kepada Nabi s.a.w dan ia telah dibukukan oleh Hasan al-Banna menjadi satu rantaian wirid khususnya buat ahli gerakan dakwah. Sila lihat Hasan al-Bannā, *Majmu'ah Rasā'il*, 335.

⁴⁵ Sa‘īd Hawwā, 4. 4. 4. *Ihyā' al-Rabbāniyyah* 5. *Al-Ijābāt*, 52 dan 68. Sila lihat juga Sa‘īd Hawwā, *Fi Afaq al-Ta’alim*, 471. Dalam karya *Fi Afaq al-Ta’alim*, beliau telah mendedahkan disiplin riadah kerohanian anggota *Al-Ikhwan al-Muslimun*. Mereka ditugaskan untuk membaca al-Qur'an sekurang-kurangnya satu juzuk sehari di samping pengamalan wirid seharian yang lain.

⁴⁶ Sa‘īd Hawwa, *Fi Afaq al-Ta’alim*, 183.

⁴⁷ Hasan al-Banna, *Majmū'ah Rasā'il*, 277.

⁴⁸ Sa‘īd Hawwā, *Mudhakkirāt fī Manāzil al-Šiddīqīn wa al-Rabbāniyyīn* (Beirut: Dār ‘Ammar, 1989), 646.

dan ia menjadi sukatan pendidikan rabbani yang diinspirasikan oleh beliau sebagai satu pedoman khusus bagi pembangunan spiritual para da'i.⁴⁹ Sememangnya elemen *rūḥī* ini sangat ditekankan oleh Sa‘īd Ḥawwā kerana ia memainkan peranan sebagai pembangun karakter dalaman para dai ketika melaksanakan usaha dakwah. Penghasilan ketiga-tiga karya tersebut juga bermatlamat agar para da'i tidak mengabaikan pendidikan spiritual dalam menyelami hubungan manusia dengan Pencipta.⁵⁰ Beliau sekaligus memaparkan perjalanan sufi yang murni yang selari dengan al-Qur'an dan al-Sunnah selain meluruskan kembali tanggapan-tanggapan songsang terhadap ilmu tasawwuf.⁵¹

Elemen *Da‘awī ḥarakī* (Aktivisme)

Seruan dakwah kepada umat Islam keseluruhannya merupakan suatu tuntutan rabbani yang tidak boleh dikesampingkan lantaran peranan manusia yang diciptakan Allah di muka bumi adalah sebagai khalifah. Oleh yang demikian, pemetaan dakwah yang dilakari dengan pelbagai corak dan usul kepada umat manusia perlulah distuktur bagi menghasilkan model pendidikan dakwah yang konstruktif sebagai rujukan.⁵² Justeru, di dalam manhaj rabbani, Sa‘īd Ḥawwā tidak ketinggalan memuatkan elemen *da‘awī ḥarakī* sebagai elemen terpenting manhaj. Antara item-item yang diketengahkan oleh Sa‘īd Ḥawwā dalam elemen *da‘awī ḥarakī* ialah perlaksanaan fardu ain dan fardu kifayah dengan bergabung dalam gerakan Islam, nasihat-menasihati, serta perlaksanaan amal Islami secara teratur dalam satu organisasi yang tersusun.⁵³ Pendedahan dakwah dan keorganisasian dalam gerakan

⁴⁹ Sa‘īd Ḥawwā, *Tarbiyatunā al-Rūḥīyyah*, 5.

⁴⁹ Sa‘īd Ḥawwā, *Tarbiyatunā al-Rūḥīyyah*, 9.

⁴⁹ Abdul Aziz Mohd. Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2003), 76.

⁴⁹ Sa‘īd Ḥawwā, *Al-Madkhāl ilā Da‘wah al-Ikhwān al-Muslimīn* (Kaherah: t.p., 1980), 51.

⁴⁹ Sa‘īd Ḥawwā, 4. 4. 4. *Ihyā’ al-Rabbāniyyah* 5. *Al-Ijābāt*, 25.

⁵⁰ Sa‘īd Ḥawwā, *Tarbiyatunā al-Rūḥīyyah*, 5.

⁵¹ Sa‘īd Ḥawwā, *Tarbiyatunā al-Rūḥīyyah*, 9.

⁵² Abdul Aziz Mohd. Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2003), 76.

⁵³ Sa‘īd Ḥawwā, *Al-Madkhāl ilā Da‘wah al-Ikhwān al-Muslimīn* (Kaherah: t.p., 1980), 51.

Islam begitu ditekankan oleh Sa‘īd Ḥawwā ketika membicarakan idea pembentukan harakah *Ihyā’ al-Rabbāniyyah* berasaskan firman Allah:⁵⁴

وَكَائِنٌ مِّنْ نَّبِيٍّ قَتَلَ مَعْهُ رِبِّيُونَ كَثِيرٌ فَمَا وَهَنُوا لِمَا أَصَابُوهُمْ
فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَمَا ضَعُفُوا وَمَا أَسْتَكَانُوا وَاللَّهُ تُحِبُّ الظَّاهِرِينَ

Terjemahan: Dan berapa banyak dari nabi-nabi (dahulu) telah berperang dengan disertai oleh ramai orang-orang yang taat kepada Allah, maka mereka tidak merasa lemah semangat akan apa yang telah menimpa mereka pada jalan (agama) Allah dan mereka juga tidak lemah tenaga dan tidak pula muhu tunduk (kepada musuh) dan (ingatlah), Allah sentiasa mengasihi orang-orang yang sabar.

Āli-‘Imrān 3:146

Menjurus kepada konteks ayat al-Qur'an di atas, Sa‘īd Ḥawwā telah mentafsirkan golongan *ribbiyyūn* sebagai golongan *rabbāniyyin*.⁵⁵ Beliau turut mengetengahkan pandangan Ibn Kathir mengenai pengertian kalimah *ribbiyyūn* yang membawa maksud golongan yang berbuat kebaikan dan bartaqwa, *al-abrār al-atqiyā'*.⁵⁶ Beliau juga berpendapat bahawa golongan *ribbiyyūn* dan *rabbāniyyin* ini merupakan golongan yang sangat berpegang teguh dengan tali Allah SWT. Pengertian *rabbāniyyin* ini disepakukan dengan pandangan yang telah diutarakan oleh Ibn ‘Abbās iaitu mereka yang terdiri daripada kalangan ulama' dan para cendekiawan agama. Hal ini dihuraikan menerusi firman Allah pada ayat 79, Surah Āli-‘Imran wa lākin kūnū *rabbāniyyīn* yang terdapat di dalam karya tafsir Sa‘īd Ḥawwā.⁵⁷ Al-Hasan al-Basri turut mengklasifikasikan golongan *ribbiyyūn* sebagai para ulama' yang ramai dan sabar.⁵⁸ Golongan rabbani yang disifatkan oleh Sa‘īd Ḥawwā melalui ayat di atas ini tidak mudah gugur menyerah

⁵⁴ Sa‘īd Ḥawwā, 4. 4. 4. *Ihyā’ al-Rabbāniyyah* 5. *Al-Ijābāt*, 67.

⁵⁵ Sa‘īd Ḥawwā, *Al-Asās fī al-Tafsīr*, 1989-1993, 2:888.

⁵⁶ ‘Imād al-Dīn Abū al-Fidā’ Ismā‘il Ibn ‘Umar Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm al-Mā’ruf bi al-Tafsīr Ibn Kathīr* (Riyadh: Dār al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000), 266.

⁵⁷ Sa‘īd Ḥawwā, *Al-Asās fī al-Tafsīr*, 1989-1993, 3:810.

⁵⁸ Sa‘īd Ḥawwā, *Al-Asās fī al-Tafsīr*, 1989-1993, 3:888.

kalah khususnya apabila mendengar khabar berita kematian Nabi dan pemimpin mereka, tidak mudah berasa lemah fizikal dan mental dalam meneruskan agenda jihad, bahkan tegar dalam perjuangan menegakkan syiar Islam melalui wasilah jemaah dengan mewarisi tugas para Nabi.⁵⁹ Ternyata inilah keperibadian yang seharusnya dicorak dalam kalangan tentera Allah bagi memupuk kembali biah yang berorientasikan iklim Rabbani.⁶⁰

Pemanifestasian dakwah Islamiah turut dirungkai oleh Sa‘id Hawwā dengan pemakaian ayat 104 dari surah Āli-‘Imrān sebagai dalil yang menunjukkan kewajipan individu muslim melakukan amar makruf nahi mungkar dan nasihat-menasihati antara satu sama lain bagi menyemai kembali kondisi Rabbani.⁶¹ Firman Allah SWT:

وَلْتُكُنْ مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَنَهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Terjemahan: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebaikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji), dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Āli-‘Imrān 3:104

Ayat al-Qur'an di atas menunjukkan bahawa menyahut seruan dakwah dengan melakukan amar makruf nahi mungkar adalah kunci kejayaan individu muslim.⁶² Bahkan, pendekatan amar makruf nahi mungkar yang digariskan dalam al-Qur'an sememangnya selari dengan matlamat jihad menuju Allah bagi menegakkan kebenaran dalam apa juu keadaan.⁶³ Menurut Sa‘id Hawwā, penggunaan kalimah *man* dalam ayat di atas memberikan dua maksud. Pertama, ia bertujuan untuk menjelaskan (*li al-*

⁵⁹ Sa‘id Hawwā, 4. 4. 4. *Ihyā’ al-Rabbāniyyah* 5. *Al-Ijābāt*, 18.

⁶⁰ Sa‘id Hawwā, 4. 4. 4. *Ihyā’ al-Rabbāniyyah* 5. *Al-Ijābāt*, 29.

⁶¹ Sa‘id Hawwā, 4. 4. 4. *Ihyā’ al-Rabbāniyyah* 5. *Al-Ijābāt*, 66.

⁶² Sa‘id Hawwā, *Al-Asās fī al-Tafsīr*, 2009, 1:418.

⁶³ Mustaffa Abdullah, *Jihad dalam al-Qur'an* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005), 163.

bayān), maka tafsiran ayat di atas membawa maksud bahawa wajib kepada setiap umat manusia melaksanakan amar makruf nahi mungkar dan ia merupakan fardu ain. Kedua, ia menunjukkan kepada makna sebahagian (*li al-tab’id*). Maka, perintah ayat terbabit difokuskan kepada sebahagian umat Islam bagi melaksanakana amar makruf nahi mungkar melalui wasilah jemaah, dan hal ini menjadi tuntutan bersama umat Islam atau fardu kifayah. Sementara maksud *al-khayr* dalam ayat di atas menurut beliau ialah al-Qur'an dan al-Sunnah, manakala *al-ma'rūf* pula ditafsirkan oleh beliau sebagai apa-apa yang baik pada landasan syarak dan juga baik pada lingkungan akal yang dibatasi oleh syarak, termasuk juga apa-apa yang bertepatan dengan al-Qur'an dan sunnah. Kalimah *al-munkar* pula ditafsirkan oleh beliau sebagai apa-apa yang bertentangan dengan syarak atau bertentangan pada akal yang dilandasi oleh syarak, atau bertentangan dengan al-Qur'an dan sunnah. *Al-Munkar* juga ditafsirkan oleh beliau sebagai maksiat, atau perkara-perkara yang makruh dan haram. Justeru, kejayaan yang sempurna bakal digapai bagi mereka yang menyeru kepada kebaikan dan melasankan amar makruf nahi mungkar.⁶⁴

Berdasarkan ayat di atas juga, seruan dakwah Islamiyah ternyata memerlukan satu sistem yang teratur dalam satu organisasi jemaah Islam yang tersusun.⁶⁵ Terdapat tiga rukun utama yang melicinkan kemenangan sesebuah organisasi Islam dalam melaksanakan amal Islami, iaitu barisan pimpinan yang berwibawa (*qiyādah*), sistem penyusun dan pengurusan yang tersusun, serta para pengikut yang ditarbiah lagi setia (*jundiyyah*).⁶⁶ Sa’id Hawwā turut menghuraikan konsep kepimpinan Islam (*qiyādah*) serta kriteria barisan pemimpin dalam menerajui nakhoda gerakan Islam dalam karya beliau, *Fusūl fi al-Imrah wa al-Amīr* meliputi akhlak pemimpin, perlantikan pemimpin, kewajipan yang harus dipikul oleh saf kepimpinan, dan

⁶⁴ Sa’id Hawwā, *Al-Asās fī al-Tafsīr*, 2009, 418.

⁶⁵ Sa’id Hawwā, *Jund Allāh Tanzīman* (Kaherah: Dār al-Salam li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘ wa al-Tarjamah, 1993), 66.

⁶⁶ Mustafa Mashhir, *Tariq al-Da‘wah Bayna al-Qiyadah wa al-Jundiyyah: Jalan Da‘wah Antara Qiyadah dan Jundiyyah*, terj. Syed ‘Abdurahman Hj. Syed Hussin (Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 2007), 1.

sebagainya.⁶⁷ Tambahan pula, Sa‘īd Hawwā turut menampilkan empat mekanisme utama yang menjadi parameter kejayaan sesebuah gerakan dakwah, iaitu pasakan tarbiah dan ilmu pengetahuan yang sempurna, penggubalan sistem organisasi jemaah yang komprehensif, perancangan yang tersusun dan sesuai dengan keperluan semasa, serta perlaksanaan yang baik daripada perancangan tersebut.⁶⁸ Terdapat beberapa cadangan yang telah dilontarkan oleh Sa‘īd Hawwā ke arah merealisasikan elemen *da‘awī ḥarakī* dalam madrasah *Ihyā’ al-Rabbāniyyah*, antaranya memperkasakan perlaksanaan amar makruf nahi mungkar, menziarahi pesakit, nasihat-menasihati dengan jiran tetangga, menubuhkan badan-badan kecil yang bernaung di bawah jemaah Islam, serta melaksanakan perkara-perkara fardu ain dan fardu kifayah.⁶⁹

Bagi melahirkan modal insan yang terbilang selaras dengan tuntutan agama dan cabaran semasa, Sa‘īd Hawwā juga telah menghasilkan beberapa karya penulisan beliau yang berkait rapat dengan siri epistemologi dakwah, pembangunan, dan amal Islami (*silsilah fiqh al-da‘wah wa al-binā’ wa al-‘amal al-Islāmī*). Antara karya-karya hasil penulisan beliau yang berkaitan dengan tema di atas termasuklah *Jund Allāh Thaqāfatan wa Akhlāqan*, *Jund Allāh Takhtitan*, *Jund Allāh Tanzīman*, *Kay Lā Namdī Ba‘īdan ‘an Iḥtiyājāt al-‘Aṣr*,⁷⁰ dan *Al-Madkhāl ila Da‘wah al-Ikhwān al-Muslimīn*. Penghasilan karya-karya terbabit sekaligus telah dijadikan sebahagian silibus dalam penerapan manhaj rabbani hasil cetusan idea beliau.⁷¹ Melalui karya-karya dakwah serta penstrukturran elemen *da‘awī ḥarakī* yang diketengahkan oleh

⁶⁷ Sa‘īd Hawwā, *Fusūl fī al-Imrah wa al-Amīr* (Kaherah: Dār al-Salam li al-Tibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-Tarjamah, 1983), 222-224.

⁶⁸ Sa‘īd Hawwā, *Jund Allāh Tanzīman*, 11.

⁶⁹ Sa‘īd Hawwā, 4. 4. 4. *Ihyā’ al-Rabbāniyyah* 5. *Al-Ijābāt*, 67-68.

⁷⁰ Karya *Kay La Namdi Ba‘īdan ‘an Iḥtiyājāt al-‘Aṣr* mengandungi 11 risalah dan terdapat beberapa risalah dalam karya tersebut telah diadaptasi menjadi sebuah karya khusus seperti risalah *Ihyā’ al-Rabbāniyyah* dan *al-Ijābāt*.

⁷¹ Sa‘īd Hawwā, 4. 4. 4. *Ihyā’ al-Rabbāniyyah* 5. *Al-Ijābāt*, 26. Peringkat-peringkat pendidikan dakwah dengan bahan bacaan haraki yang sesuai juga telah dipaparkan oleh beliau dalam bentuk jadual menerusi karya beliau, *Fi Afaq al-Ta‘alim*. Pendidikan dakwah ini disusun pada pembelajaran ke-14 dalam peringkat pembentukan (*takwin*) selepas pembelajaran al-Qur’ān, hadith, *Usūl al-Thalāthah* dan lain-lain. Sila lihat Sa‘īd Hawwā, *Fī Āfaq al-Ta‘alim* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1980), 75-77.

Sa‘īd Ḥawwā, ternyata beliau telah mengemukakan konsep dakwah dan aktivisme yang bersepada, dan hal ini telah didokong serta diakui sendiri oleh anak beliau, Muhammad Sa‘īd Ḥawwā menerusi kenyataannya:⁷²

“Sesungguhnya penulis (Sa‘īd Ḥawwā) rahimahu Allāh, begitu mengambil berat terhadap persoalan perancangan, organisasi, dan manhaj yang meletakkan amal Islami di atas landasan yang absah, yang bersesuaian dengan kemampuan individu muslim dari segi pengetahuannya, ciri-cirinya, iltizamnya, fikrahnya, hatinya, dan rohaninya. Ia sekaligus dapat melahirkan golongan yang benar-benar ahli dalam mengusung agama sebagai suatu hidayah, petunjuk, kebahagiaan dan keadilan buat sekalian alam.”

Manhaj Rabbani sebagai Paksi Pembangunan Modal Insan

Bagi meneliti korelasi antara manhaj rabbani dengan pembangunan modal insan, maka penerokaan konsep pembangunan modal insan wajar diidentifikasi. Menurut mantan Perdana Menteri Malaysia kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi yang mengaspirasikan gagasan terbabit, pembangunan modal insan adalah berupa pembangunan sumber manusia yang lebih holistik dengan menumpukan kepada pembangunan *soft infrastructure* yang berkaitan dengan perubahan sikap, cara pemikiran, dan keperibadian positif. Dengan itu, mentaliti rakyat Malaysia dapat ditransformasi daripada kelas ketiga kepada kelas pertama sekaligus dapat melahirkan masyarakat yang produktif, berpandangan jauh, dan komited dalam mengejar kecemerlangan.⁷³ Modal insan menjadi aset berharga negara sekiranya tahap kecekapan, kemahiran, serta pengetahuan rakyat dibangunkan sejajar dengan kepentingan tanah air. Maka, keutuhan sesebuah organisasi sangat bergantung kepada produktiviti yang dicernakan menerusi modal insan yang efisien⁷⁴.

Sementara itu, manhaj rabbani menggariskan beberapa pelan tindakan dalam pembangunan modal insan, serta pengasuhan ke arah menyelami hubungan manusia dengan Allah SWT disertai

⁷² Sa‘īd Ḥawwā, *Jund Allāh Tanzīman*, 10.

⁷³ Abdullah Haji Ahmad Badawi, *Pembangunan Modal Insan*, xiv-xv.

⁷⁴ Yahaya Ibrahim dan Abd. Hair Awang, *Pembangunan Modal Insan: Isu dan Cabaran* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008), 13.

dengan ilmu yang mantap serta beramal dengannya. Ternyata elemen-elemen yang terkandung dalam manhaj rabbani seperti elemen *thaqāfi*, *rūhī*, dan *da‘awī harakī* juga tidak jauh berbeza dengan ciri-ciri utama modal insan yang ingin dibina oleh kerajaan menjelang wawasan 2020. Elemen *thaqāfi* bermatlamat melahirkan generasi rabbani yang berpengetahuan dengan meletakkan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai rujukan prioriti dan berautoriti. Manakala, dasar pembangunan modal insan negara antara lain termasuklah membangunkan masyarakat inovatif dan kreatif, yang mempunyai pengetahuan dan keupayaan sains dan teknologi yang kukuh serta memiliki kemampuan memperoleh dan menggunakan pengetahuan. Elemen *rūhī* dalam manhaj rabbani pula mengetengahkan pembinaan pengukuhan spiritual dan penyucian jiwa, mengingati Allah SWT, memiliki amalan-amalan yang khusus, serta bermuraqabah dengan Allah SWT. Sementara dasar pembangunan modal insan negara tidak ketinggalan mengetengahkan elemen kekuatan rohani pada diri manusia. Hal ini sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi dalam perutusan Hari Kemerdekaan ke-48 bahawa untuk membangunkan modal insan, kerajaan berhasrat melahirkan masyarakat yang mempunyai kekuatan jasmani dan rohani.

Perlaksanaan gerak kerja dalam suatu organisasi tersusun demi melaksanakan amanah sebagai khalifah Allah di muka bumi serta melakukan amar makruf nahi mungkar merupakan antara instrumen-instrumen penting dalam elemen *da‘awī harakī*. Instrumen-instrumen terbabit dilihat tidak berbeza dengan pembangunan modal insan yang memfokuskan penambahbaikan pentadbiran negara seperti menubuhkan institut integriti nasional bagi membina upaya modal insan membanteras rasuah. Ternyata amanah yang dijunjung sebagai khalifah dalam sesebuah organisasi serta pentadbiran pastinya dapat melahirkan masyarakat berintergriti daripada terjebak dengan amalan rasuah apabila berpaksikan kepada al-Qur'an dan al-Sunnah yang menjadi benteng daripada sebarang kerakusan. Tuntasnya, manhaj rabbani ternyata menjadi paksi kepada pembangunan modal insan memandangkan ia merupakan manhaj yang berpaksi kepada hakikat kehidupan insan bertuhan dengan menekuni bahawa segala peraturan kehidupan sebagai seorang hamba dan dai adalah dikembalikan kepada-Nya, lantaran Allah SWT adalah matlamat

tertinggi dalam segala tindakan seorang manusia. Penerapan roh rabbani menatihkan individu yang tidak bernoktah dalam menyulam pertautan yang menyeluruh kepada Pencipta, sekaligus ia membina individu muslim agar memiliki prinsip yang nyata dalam pembangunan modal insan menurut al-Qur'an dan al-Sunnah. Manhaj rabbani berupaya melahirkan generasi *Ūlūl al-Albāb* yang tidak putus memikirkan rahsia alam, menginsafi bahawa segala ciptaan Tuhan mengandungi makna, tidak ada yang sia-sia.⁷⁵

Penutup

Sesungguhnya, Sa'īd Hawwā telah menampilkan suatu manhaj rabbani yang komprehensif sebagai satu sistem latihan dalam pembangunan modal insan. Manhaj rabbani dalam lingkungan madrasah *Ihyā' al-Rabbāniyyah* hasil cetusan beliau adalah merangkumi tiga elemen induk perekayasaan modal insan iaitu elemen *thaqāfi*, elemen *rūhī*, dan elemen *da'awī ḥarakī*. Penstrukturran manhaj oleh beliau bagi melahirkan modal insan rabbani membuktikan bahawa beliau merupakan seorang tokoh monumental Islam yang begitu berwibawa, selain menghasilkan karya tafsir moden, *Al-Asās fī al-Tafsīr* yang begitu mendapat tempat di hati para pendokong Islam. Penghasilan tafsir beliau yang besar dan berjilid-jilid di samping menjawab segala persoalan semasa ternyata menyaksikan ketokohan beliau dalam bidang tafsir kontemporari sekitar abad ke-15 Hijrah. Sewajarnya manhaj rabbani ini harus didedahkan serta diimplimentasikan dalam kehidupan umat lantaran Allah SWT adalah matlamat hakiki dalam segala tindak tanduk manusia ke arah menuju pengabdian hakiki.

Bibliografi

- Abdul Aziz Mohd. Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2003.
- Abdullah Haji Ahmad Badawi, *Pembangunan Modal Insan: Koleksi Ucapan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi*. Kuala Lumpur: Intitut Tadbiran Awam Negara (INTAN), 2006.

⁷⁵ Siddiq Fadzil, "Ulu al-Albab: Citra Ilmuwan Rabbani dalam al-Qur'an" dalam *Pembangunan Insan: Aspirasi dan Realiti*, ed. Ahmad Mohamad Said dan Khalidah Salekan (Kajang: Kolej Dar al-Hikmah, 2007), 203.

- Al-Maydānī, ‘Abd al-Rahman Hasan Habannakah. *Al-Ummah al-Rabbāniyyah al-Wāhidah*. Damsyik: Dār al-Qalam, 1983.
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf. *Al-Tarbiyah al-Islāmiyyah wa Madrasah Ḥasan al-Banna*. Beirut: Lubnan, 2001.
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf. *Al-Ḥayāh al-Rabbāniyyah wa al-‘Ilm*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995.
- Ḥasan al-Bannā, *Majmu‘ah Rasā’il al-Imām al-Shāhid Ḥasan al-Banna*. Kaherah: Dār-al-Shihāb, t.t.
- Ibrāhīm Muṣṭafā et al., *Al-Mu‘jam al-Wasīt*. Istanbul: al-Maktabah al-Islāmiyyah li al-Ṭibā‘ah wa a-Nashr wa al-Tawzi‘, t.t.
- Ibn Kathīr, ‘Imād al-Dīn Abū al-Fidā’ Ismā‘īl Ibn ‘Umar. *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm al-Ma‘ruf bi al-Tafsīr Ibn Kathīr*. Riyadh: Dār al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi‘, 2000.
- Kamus Dewan*, ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005.
- Mohd Roslan Mohd Nor. “Membangun Remaja Muslim Masa Kini: Cabaran, Rintangan, dan Harapan,” dalam *Kemelut Peradaban Remaja di Malaysia*, ed. Mustaffa Abdullah dan Faisal Ahmad Shah. Kuala Lumpur: Jabatan Al-Qur’ān Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2010.
- Mustaffa Abdullah. *Jihad dalam al-Qur’ān*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005.
- Muṣṭafā Muslim. *Manāhij al-Mufassirīn*. Riyadh: Dār al-Muslim, 1994.
- Mujāhid Ibn Jabr. *Tafsīr Mujāhid*, ed. Abū Muḥammad al-Asyūṭī. Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2005.
- Mustafa Mashhir. *Tariq al-Da‘wah Bayna al-Qiyadah wa al-Jundiyah: Jalan Da‘wah Antara Qiyadah dan Jundiyah*, terj. Syed ‘Abdurahman Hj. Syed Hussin. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 2007.
- Ramli Awang, *Tasawwur Rabbani Menurut al-Qur’ān dan al-Sunnah*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication, 2008.
- Sa‘īd Hawwā. *Al-Asās fī al-Tafsīr*. Kaherah: Dār al-Salam, 1989-1993.
- Sa‘īd Hawwā. *Al-Asās fī al-Tafsīr*. Kaherah: Dār al-Salam li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘ wa al-Tarjamah, 1999.
- Sa‘īd Hawwā. *Al-Asās fī al-Tafsīr*. Kaherah: Dār al-Salam li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘ wa al-Tarjamah, 2009.

- Sa‘īd Hawwā. 4. *Ihyā’ al-Rabbāniyyah* 5. *Al-Ijābāt*. Kaherah: Dar al-Salam, 1984.
- Sa‘īd Hawwā. *Jund Allāh Tanzīman*. Kaherah: Dār al-Salam li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘ wa al-Tarjamah, 1993.
- Sa‘īd Hawwā. *Fusūl fī al-Imrah wa al-Amīr*. Kaherah: Dār al-Salam li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘ wa al-Tarjamah, 1983.
- Sa‘īd Hawwā. *Fī Āfāq al-Ta‘alīm*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1980.
- Sa‘īd Hawwā. *Fi ‘Afaq al-Ta‘alim Syarh Risalah al-Ta‘alim: Pendidikan Harakah Islamiyyah*, terj. Nor Hasanuddin. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 2008.
- Sa‘īd Hawwā. *Jund Allāh Thaqāfatān wa Akhlāqān*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1979.
- Sa‘īd Hawwā. *Tarbiyatunā al-Rūhiyyah*. Kaherah: Dār al-Salam li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘ wa al-Tarjamah, 2007.
- Sa‘īd Hawwā. *Mudhakkirāt fī Manāzil al-Ṣiddiqīn wa al-Rabbāniyyīn*. Beirut: Dār ‘Ammar, 1989.
- Sa‘īd Hawwā. *Al-Madkhāl ilā Da‘wah al-Ikhwān al-Muṣlimīn*. Kaherah: t.p., 1980.
- Siddiq Fadzil. “Ulu al-Albab: Citra Ilmuwan Rabbani dalam al-Qur'an” dalam *Pembangunan Insan: Aspirasi dan Realiti*, ed. Ahmad Mohamad Said dan Khalidah Salekan. Kajang: Kolej Dar al-Hikmah, 2007.
- ‘Ulwān, ‘Abd Allāh Nāṣīḥ. *Al-Shabab al-Muwalat fī Muwājahah al-Taḥaddiyat al-‘Aṣr*. Kaherah: Dār al-Salam li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘ wa al-Tarjamah, 1993.
- Yahaya Ibrahim dan Abd. Hair Awang. *Pembangunan Modal Insan: Isu dan Cabaran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008.
- Zainuddin Hashim dan Riduan Mohamad Nor. *Tokoh-tokoh Gerakan Islam Abad Moden*. Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2009.